

Bah besar 1971



DALAM sejarah kewujudan Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia itu pernah melalui dua peristiwa banjir besar iaitu pada 1926 dan 1971. Semasa kedua-dua kejadian itu, Kuala Lumpur diibaratkan seperti berada di tengah-tengah lautan setelah lebih 50 peratus daripada pusat bandar ditenggelami air. Bagaimanapun banjir pada 1971 dikatakan lebih teruk. Berdasarkan laporan akhbar, ketika banjir itu bangunan ikonik di ibu negara, Bangunan Sultan Abdul Samad ditenggelami air sehingga 1.83 meter berbanding hanya 1.22 meter pada banjir 1926.

Bukan sahaja aktiviti urusniaga dan operasi pejabat kerajaan lumpuh, malah bencana alam itu menyebabkan beribu-ribu penduduk Kuala Lumpur yang tinggal di kawasan rendah seperti Kampung Baru dan Datuk Keramat hilang tempat tinggal serta harta benda.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Tun

Abdul Razak mengumumkan negara berada dalam bencana kebangsaan yang memerlukan Markas Darurat Banjir ditubuhkan serta-merta sebagai persediaan menghadapi kemungkinan lebih buruk.

Hujan lebat tanpa henti selama seminggu dikatakan punca kepada kejadian banjir itu yang turut menenggelamkan beberapa negeri lain kecuali Pulau Pinang, Kedah dan Perlis pada 5 Januari 1971.

Bencana alam itu menyebabkan 54 nyawa terkorban, 90,000 penduduk dipindahkan dan kerugian harta benda kira-kira RM84.7 juta.

Untuk mengetahui lebih lanjut, wartawan **S2, SITI NURAZLINA JAMALUDIN** bersama jurugambar **IZHAM JAAFAR, ABDUL RAZAK LATIF, MOHD NOOR MAT AMIN** dan **YAHYA JAMAL** (pelatih UNISEL) bertemu penduduk Kampung Baru dan Datuk Keramat serta peniaga bagi mengimbas kejadian bah besar yang berlaku 42 tahun lalu itu.

BENCANA

SITUASI buruk banjir pada 4 Januari 1971 di Kuala Lumpur dan beberapa negeri lain menyebabkan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengumumkan negara berada dalam bencana kebangsaan. Keratan akhbar *Utusan Malaysia* (kanan) keluaran 6 Januari 1971 menyiarkan pengumuman itu.

